



Foto: www.131.com

BUKA RUANG NIAGA ASNAF WANITA

Ustaz Mohd Nizam

MU KAHANDA SELAIN MENGAGHIKAN DUIT KUTIPAN ZAKAT UNTUK MENAMPUNG DOS SARA HIDUP ASNAF MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN MAJLIS MELALUI BAITULMAL TURUT MENYEDIAKAN KHIDMAT BANTUAN BERUPA PERIBATAN, PENDIDIKAN DAN PERNIAGAAN. BERMINTLAMAHTUNTOUR MENJADIKAN OLONGAN ASNAF SEBAGAI PEMBAYAR ZAKAT KELAK. SEBUAH SKIM BANTUAN US SAHAWANAN BAITULMAL MAJLIS DILAKSANAKAN KHUSUS BAGI MEMBANTU MEREKA KELUAR DARIPADA KEPOMPONG KEMISKINAN.

PENULIS: SUZIANA ABU DAUD FOTO: ASRIL ASWANDI

Berpeluang menemubual Pengurus Bahagian Baitulmal di Bangunan Daruzzakah, Kuala Lumpur, Ustaz Mohd Nizam Yahya menjelaskan skim yang juga dikenali sebagai bantuan berkadri ini memberi ruang kepada para penerima untuk memajukan diri dalam bidang kemahiran asing-masing. "Skim ini terbahagi kepada tiga jenis bantuan iaitu arianiagan, perikanan dan pertanian, dan bantuan deposit teksis. agi penerima bantuan deposit teksis kami akan berikan sebuah xksis untuk mereka jalankan usaha memperbaiki taraf hidup.

antuan perikanan dan pertanian pula misalnya banyak diusahakan i Wilayah Persekutuan Labuan kerana keadaan muka bumi di ana dan hasil laut yang ada. Pun begitu, terdapat golongan asnaf i Kuala Lumpur yang telah berjaya mengusahakan perternakan an keli dan mendapat sokongan Baitulmal dari segi modal dan ernalatan serta kerjasama FAMA. Merujuk rekod kami setakat ini antuan perniagaan lebih banyak dipelopori wanita yang terdiri

daripada ibu-ibu tunggal. Bahkan permohonan mereka juga mencatatkan peningkatan setiap tahun."

Meskipun pengkhususan menjurus kepada golongan wanita namun tiada pengasingan gender untuk permohonan skim ini. Penglibatan wanita yang semakin ramai dalam industri perniagaan dipercayai telah menarik perhatian Baitulmal untuk melaksanakan bantuan terlibat. Dalam masa sama menyahut seruan kerajaan untuk memartabat dan memperkasakan golongan ini memandangkan lebih 1 juta usahawan wanita telah berdaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga Januari lepas.

PERUNTUKAN

Selain berkemahiran dalam bisnes jahitan dan pakaian, majoriti wanita yang memohon bantuan Baitulmal lebih tertumpu kepada perusahaan kecil dan sederhana seperti makanan tetapi bukan yang berskala besar. Jenis perniagaan yang mahu diusahakan

bergantung kepada keupayaan para pemohon itu sendiri selagi tidak bertentangan dengan syarak dan bukan perniagaan secara atas talian. "Ada sebab kami tidak memberi bantuan perniagaan kepada mereka yang mahu berniaga online. Ini kerana sebahagian ia tak perlu modal sebab boleh bayar cash on delivery kecualiilah mereka boleh buktikan kepada kita bahawa mereka mempunyai simpanan stok. Yang itu akan dipertimbangkan.

Kita akan tengok orang yang betul-betul berpotensi. Buat permulaan, bantuan sebanyak RM5 000 disalurkan kepada yang layak. Dulu kita cuma beri RM5 000 saja tapi sekarang boleh sampai RM35 000. Bagaimana pun akan ada pemantauan dari semasa ke semasa. Kalau perkembangan bisnes bagus, kami akan tambah bantuan untuk tahun seterusnya secara berperingkat sehingga mencapai angka tersebut. Bentuk bantuan pula merangkumi tiga aspek iaitu pemberian peralatan saja, modal saja atau peralatan dan modal. Contohnya daripada modal yang diberikan tadi, RM1 ribu modal tunai sementara bakiannya untuk peralatan dapur gas, periuk nasi, ketuhar atau apa saja peralatan yang diperlukan untuk berniaga," terang Ustaz Mohd Nizam.

Memetik kenyataannya lagi, beberapa prosedur saringan akan dibuat sebelum meluluskan sesuatu permohonan. Kriteria yang akan diambil kira antaranya termasuk perniagaan yang telah beroperasi sekurang-kurangnya tiga bulan, berniaga di Wilayah Persekutuan, bidang perniagaan tidak melanggar syarak, mempunyai lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan, berdaftar dengan SSM dan berumur 30 tahun dan ke atas.

Hasrat murni Baitulmal untuk menjadikan golongan asnaf sebagai pembayar zakat sememangnya bukan tugas mudah. Biarpun pengagihan bantuan diberikan kepada peniaga terlibat namun untuk menembusi pasaran di kota metropolitan Kuala Lumpur adalah agak sukar. Berdepan taraf hidup yang tinggi dan tekanan ekonomi yang kian meningkat merupakan antara faktor yang merencatkan usaha badan kebajikan ini. Bahkan para usahawan yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal tidak mempunyai jaringan perniagaan yang kuat.

"Kami sedar mereka terpaksa guna kepakaran diri untuk menyara hidup di Kuala Lumpur yang serba mencabar. Berbekalkan tenaga dan kesungguhan tidak mustahil mereka juga mampu menjadi antara pembayar zakat kami suatu hari nanti. Sekurang-kurangnya mereka berusaha dan tidak menagih simpati. Itu yang kami harapkan! Permohonan daripada wanita muda juga ada diterima tapi tidak seramai ibu-ibu tunggal. Pun begitu, pada akhirnya nanti pemantauan tetap akan dilakukan. Kadang-kadang lepas enam bulan pertama bantuan diberikan, ada yang sudah tidak berniaga lagi. Disebabkan keadaan itu kami tiada pilihan selain terpaksa menghentikan bantuan."



USTAZ MOHD NIZAM YAHYA
PENGURUS BAHAGIAN BAITULMAL,
DI BANGUNAN DARUZZAKAH, KUALA LUMPUR

Jenis perniagaan yang mahu diusahakan bergantung kepada keupayaan para pemohon itu sendiri selagi tidak bertentangan dengan syarak dan bukan perniagaan secara atas talian.

SOKONGAN

Demi melahirkan lebih ramai usahawan daripada golongan asnaf terutama di kalangan wanita, Baitulmal memerlukan sokongan padu pembayar zakat. Penganjuran kempen pembayaran zakat secara terus kepada asnaf yang berlaku kebelakangan ini sewajarnya dibanteras kerana tidak menyeluruh. "Akibat kutipan tak memberangkan kami terpaksa kawal beberapa skim bantuan sebab pada setiap kali bulan Ramadan wujud kempen-kempen liar supaya bayar terus kepada asnaf dan tidak melalui institusi. Sebenarnya cara ini tidak sempurna kerana hanya melibatkan sejumlah kecil asnaf sedangkan kami mempunyai 25 ribu keluarga yang harus diberi pertolongan.

Kalau zakat tak dapat banyak bagaimana mampu kita hendak bagi bantuan kepada yang lain. Sebuah keluarga boleh dapat bantuan bulanan sehingga RM3 500 meliputi bantuan perubatan, pendidikan dan perniagaan. Kalau anda bayar RM 300 ke RM 400 terus kepada asnaf bermakna hanya satu keluarga yang dapat bantuan. Tapi kalau bayar dekat Baitulmal, duit zakat yang disumbangkan RM300 sebuah itu dapat tolong ramai asnaf. Bukankah lebih ramai yang dapat nikmati kemudahan ini akan dapat pahala yang lebih besar?" pintanya lagi.

"Dan di antara mereka ada yang mencela tentang pembahagian zakat. Jika mereka diberi sebahagian darinya, mereka bersedang hati dan jika tidak diberi sebahagian darinya dengan serta-merta mereka menjadi marah. Jika itu mereka sanggup-sanggup reda dengan apa yang diberikan Allah dan RasulNya kepada mereka dan berkata, 'Cukuplah Allah bagi kami, Allah akan memberikan kepada kami sebahagian dari kurnianya dan demikian pula RasulNya. Seungguhnya kami adalah orang-orang yang berharap kepada Allah.' "Tentulah yang demikian itu lebih baik bagi mereka," surah At Taubah ayat 58.

Bagi yang ingin memohon Skim Bantuan Keusahawanan Baitulmal boleh berbuat demikian dengan mengisi borang yang disediakan di pejabat MAIWP atau di lapan cawangan Pusat Agihan Zakat (PAZA) atau memuatnaik borang secara atas talian melalui laman web www.maiwp.gov.my. Borang yang telah lengkap diisi harus dihantar secara manual ke pejabat MAIWP. Atau sila hubungi hotline 1800 88 5222 atau 012-518 3614 dan layari fb Baitulmal-MAIWP.